

## PM Najib pelawa syarikat India melabur di Malaysia

📅 April 03, 2017 20:10 MYT



Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam satu sesi bergambar bersama peserta ketika berlangsung Majlis India-Malaysia Business Forum Special Luncheon - Foto BERNAMA

**NEW DELHI:** Syarikat-syarikat India digesa menjadikan Malaysia sebagai pilihan untuk tujuan pelaburan dan lokasi mengembangkan perniagaan masing-masing serta menjalin usaha sama baharu.

Ketika membuat gesaan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak turut menyifatkan kunjungannya selama enam hari ke India sebagai bukti komitmen Malaysia untuk memastikan keperluan para pelabur itu dapat dipenuhi.

"Kita akan terus menyediakan semua sokongan yang diperlukan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berkembang maju serta ekonomi yang berdaya saing dan dinamik.

"Saya gembira kerana pelabur dari India terus yakin terhadap Malaysia sebagaimana dipaparkan menerusi keputusan mereka untuk mengembangkan serta mempelbagaikan operasi sedia ada di Malaysia," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap di acara Makan Tengah Hari Perniagaan Malaysia - Forum Perniagaan India yang turut dihadiri kira-kira 500 pemimpin perniagaan kedua-dua negara, di Taj Palace di sini, hari ini.

"Saya perlu berterima kasih kepada Perdana Menteri Narendra Modi di atas kesudian beliau menjadi tuan rumah biarpun berpuasa dan hanya minum air selama sembilan hari," kata Najib yang turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Modi pada Sabtu lepas.

Hadir sama pada majlis hari ini adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan dan Industri India Nirmala Sitharaman, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India Datuk Hidayat Abdul Hamid, Presiden Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India (FICCI) Pankaj R Patel, Naib Presiden Gabungan Industri India (CII) Rakesh Bharti Mittal dan Presiden Persatuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Sandeep Janjodia.

Mengulas selanjutnya, Najib berkata antara syarikat terkemuka India di Malaysia termasuk Reliance Group yang menumpukan perniagaan tekstil dan produk berkaitan; RP Chemical (bahan kimia dan produk berasaskannya); Biocon dan Ranbaxy (produk farmaseutikal); JG Containers (produk bukan logam); Forte International (produk plastik) dan Tamco Switchgear dalam industri elektrik dan elektronik.

Syarikat lain termasuk ICICI Bank Limited dalam bidang kewangan; Tech Mahindra ICT Services, Wipro, Tata Consultancy dan Crest Business Solutions (teknologi maklumat), Sky Blue Media (sektor pengiklanan media) dan Manipal International dalam sektor pendidikan dan kesihatan.

Pada majlis itu juga, Najib menyaksikan pertukaran 31 Memorandum Persefahaman bernilai US\$36 billion merangkumi sektor pembinaan, farmaseutikal, pendidikan dan latihan, industri halal dan hubungan dua hala dalam ekonomi.

Terdahulu, Nirmala memberitahu masyarakat perniagaan itu bahawa syarikat-syarikat Malaysia perlu memanfaatkan ikrar pembangunan infrastruktur sebanyak US\$1 trilion yang dibuat oleh Modi.

"Kami berbangga dapat menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia dalam pembangunan infrastruktur kerana mereka telah terbukti memiliki kepakaran bertaraf dunia, (terbabit dalam) projek moden serta canggih dan paling cekap dalam penyediaan prasarana berkelas dunia," katanya.

Selain itu, Najib turut menyebut beberapa syarikat Malaysia yang berjaya di India seperti AirAsia.

"Saya amat gembira melihat banyak syarikat Malaysia yang aktif di India, termasuk yang memainkan peranan utama dalam projek berprofil tinggi seperti pembinaan bangunan Perbadanan Perbandaran Pusat Sivik Delhi yang difahamkan adalah bangunan tertinggi di ibu negara anda," katanya.

Menurut Perdana Menteri, empat projek yang sedang dibincangkan termasuk Lebuhraya Pesisiran Pantai Mumbai, Pembangunan Pinggir Laut Mumbai, Terminal Pengegasan dan Penyimpanan Terapung di Pelabuhan Andhra Pradesh serta misi Bandar Raya Pintar.

Syarikat-syarikat Malaysia turut terbabit dalam usaha membida enam projek lebuhraya di Rajasthan, kata Najib.

Pada 2016, India disenaraikan sebagai pelabur kesembilan terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai hampir US\$300 juta membabitkan lapan projek pembuatan.

-- BERNAMA

Tag: Najib Tun Razak, Narendra Modi, Mustapa Mohamed



BERITA  
BERKAITAN



Najib, Modi setuju hubungan Malaysia-India di tahap tertinggi dalam sejarah



Najib ke Jaipur teroka peluang pelaburan bagi syarikat Malaysia



PM Najib dan Modi setuju kerjasama rapat tangani keganasan



Malaysia dan India meterai enam MOU, satu perjanjian tingkat hubungan dua hala



Malaysia, India adalah pemimpin orde baharu yang sedang muncul di Asia - PM Najib

VIDEO BERKAITAN



Penurunan ringgit tidak seburuk yang didakwa



Najib, Trump setuju kukuhkan lagi hubungan dua negara



Malaysia, Jerman perkukuh hubungan dua hala



AWANI 7:45 malam ini: Ancam keselamatan Negara, tolak fahaman ekstrem & lelaki makin pupus?

DARI LAMAN WEB



The Richest Man In The Worlds Investment Just Went Viral  
Tip Toe Jordan



Branson's Latest Investment Just Leaked and Is Now Viral  
Growber



Is This Proof Of Real Time Travel?  
Mozo Travel

JUGA MENARIK DI ASTRO AWANI



Ismail Sabri cadang buka Low Yat 2 di Bangunan MARA




Harga siling petrol diesel ditetap secara mingguan - Hamzah Zainudin



TNB tingkat ranking dalam 50 jenama utiliti terbaik global

Recommended by outbrain



TERKINI

POPULAR

- 1 Penerapan bahasa Arab dalam sistem pendidikan Islam mampu beri kesan positif pada Malaysia
- 2 Lelaki terkejut nenek 'selamba' guna beg mewah LV untuk letak ikan mentah
- 3 Bangkok nasihat penduduk selatan Thailand usah panik

Wanita hilang dalam hutan

- 4 Kampung Stass masih belum ditemui
- 5 SPRM akui beberapa pemain bola sepak berada dalam radar mereka
- 6 Mat Sentol bapa teknik kesan khas penerbitan filem Melayu
- 7 Najib rasmikan Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi
- 8 Pemuda maut motosikal bergesel

**ANDA MUNGKIN BERMINTAT DENGAN**

- Orang tak tahu yang Siti Nurhaliza ...
- Bekas Permaisuri Agong Siti Aishah fail petisyen pemiutang terhadap Sy...
- Kerana tampil cantik, pelajar cemerlang SPM teruk dikritik di media so...
- Selepas tular, lelaki kayuh basikal hantar 'anak-anak' ke se...
- Dedah wajah anak, Stacy dan Akim buka akaun IG Eshaal
- Model 47 tahun digelar nenek paling cantik di dunia

powered by plista

🔍

**BERITA**

- Malaysia
- Dunia
- Bisnes
- Sukan
- Hiburan
- Teknologi
- Perspektif
- Foto
- Video
- Infografik

**BERHUBUNG**

- ✉ Hubungi Kami
- 📱 Apps
- 📡 RSS
- 👁 U Wartawan

**UMUM**

- Tentang Kami
- Kerjaya
- Pelabur
- Terma Penggunaan
- Peta Laman

**IKUTI KAMI**

- 📘 Facebook
- 🐦 Twitter
- 📺 Youtube
- 📷 Instagram



© 2017 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.